



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

**TEKS UCAPAN**

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**PROGRAM DIALOG PERANAKAN MALAYSIA  
SEMPENA FESTIVAL PERANAKAN MALAYSIA 2024  
ANJURAN PERSATUAN PERANAKAN BABA NYONYA MALAYSIA**

**3 OGOS 2024 (SABTU)  
10.00 PAGI**

**THE SHORE SHOPPING GALLERY, MELAKA**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

\*disediakan secara berasingan

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan rasa kesyukuran kerana kita dapat berhimpun dalam program ini dalam suasana yang mesra dan harmoni. Mudah-mudahan kita semua sentiasa dirahmati dan program ini mendapat kebaikan dan keberkatan.
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia yang juga merupakan rakan strategik perpaduan atas jemputan untuk saya hadir pada hari ini.
3. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik festival seumpama ini dilaksanakan demi menyemarakkan semangat perpaduan serta menyebarkan pengetahuan, kefahaman dan penghayatan terhadap kepelbagaian adat dan budaya dalam kalangan masyarakat Malaysia MADANI.

## **Hadirin yang dihormati sekalian,**

4. Tema dialog peranakan pada pagi ini ialah “Ikan Di Laut Asam Di Darat, Dalam Belanga Bertemu Juga”. Hasrat pemilihan tema ini menonjolkan kepelbagaian latar belakang tidak menjadi satu sebab perpecahan, malahan sekiranya disuntik dengan resepi perpaduan dapat menjamin persefahaman dan perpaduan yang lebih utuh.
5. Dialog pada pagi ini juga bertujuan sebagai medium dalam pembentukan pemikiran betapa pentingnya keharmonian masyarakat Malaysia berbilang kaum dan agama serta menjadi medan pertukaran idea tentang isu semasa serta langkah penambahbaikannya. Program ini merupakan wadah untuk kita menghargai dan meraikan keunikan serta kekayaan budaya Peranakan yang menjadi sebahagian penting daripada warisan budaya negara kita.
6. Festival Peranakan Malaysia bukan sahaja meraikan seni, makanan, dan pakaian tradisional, tetapi juga membawa kita lebih dekat dengan sejarah dan nilai-nilai murni yang diwarisi oleh masyarakat Peranakan. Peranakan adalah lambang perpaduan dan keharmonian kaum di Malaysia, yang hidup dalam kepelbagaian tetapi tetap bersatu padu.

7. Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia selaku penganjur program ini yang telah bertungkus lumus untuk memastikan kejayaan festival ini. Usaha gigih anda semua amatlah dihargai dan saya percaya festival ini akan memberikan impak yang besar dalam mempromosikan budaya Peranakan kepada generasi muda dan masyarakat umum.
8. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua peserta dan panelis program dialog kita pada hari ini. Sesi dialog peranakan ini diharapkan dapat menjadi platform bukan saja untuk kita menghargai dan meraikan keunikan serta kekayaan budaya Peranakan, tetapi juga satu peluang untuk mengukuhkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

9. Pengajuran Festival Peranakan Malaysia 2024 ini berlangsung selama dua (2) hari iaitu dari 3 Ogos hingga 4 Ogos 2024 dengan menawarkan pelbagai aktiviti menarik seperti Pertandingan Ratu Kebaya Nyonya Cilik Berpantun, Melukis Poster Berdasarkan Pantun, Pertandingan Jejak Maklumat Bahasa Baba Nyonya, dan Pertandingan Identiti Peranakan Baba Nyonya.

10. Saya yakin dan percaya aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dalam festival ini berupaya menyerlahkan lagi peranan Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia iaitu Badan Bukan Kerajaan (NGO) sebagai rakan kerjasama strategik dan bersepadu dalam menyemarakkan perpaduan di peringkat komuniti dan masyarakat khususnya di negeri Melaka.
11. Berdasarkan komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan oleh Persatuan Peranakan Malaysia adalah seiring dengan hasrat KPN dalam merealisasikan hasrat untuk menjadikan NGO sebagai rakan penting dan inklusif serta berupaya menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada komuniti sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara.
12. Justeru, KPN komited memperkasa dan mengukuhkan lagi peranan NGO seperti Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia sebagai sebuah organisasi sukarela dalam masyarakat sebagai penggerak dalam merealisasikan agenda perpaduan nasional menerusi Pelan NGO Rakan Perpaduan *Friends of Unity (FoU)* yang merupakan pengiktirafan Kementerian Perpaduan Negara kepada NGO dalam usaha berterusan melaksanakan program-program perpaduan dalam kalangan masyarakat hingga ke akar umbi.

13. Besarlah harapan saya agar NGO pada semua peringkat dapat memainkan peranan masing-masing dengan lebih aktif untuk memastikan keharmonian rakyat berbilang kaum sentiasa dipelihara dan dapat diterjemah secara efektif. Dengan komitmen dan kesungguhan semua pihak, maka aspirasi kerajaan untuk membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu dapat direalisasikan secara kolektif.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

14. Dalam memartabatkan budaya Baba Nyonya agar kekal dipelihara dan seterusnya memberi manfaat kepada sektor pelancongan di negeri Melaka, Peranakan telah berjaya mengangkat Busana Kebaya Nyonya sehingga mendapat pengiktirafan sebagai Warisan Tak Ketara Dunia oleh *United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization* (UNESCO) tidak lama lagi. Tahniah saya ucapkan!

15. Sesungguhnya, inilah langkah kesinambungan budaya dan warisan Baba Nyonya yang telah diperjuangkan. Ia juga merupakan hasil keupayaan mereka dalam mengasimilasikan budaya dengan masyarakat setempat seterusnya mewujudkan budaya istimewa yang tersendiri.

## **PENUTUP**

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

16. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung bagi menjayakan festival yang amat bermakna bagi kita semua.
17. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua rakan strategik, Jabatan dan agensi yang telah berusaha menjayakan Festival Peranakan Malaysia 2024 serta memartabatkan warisan Baba Nyonya di Malaysia khususnya di negeri Melaka.
18. Saya berharap festival ini menjadi medan untuk mengeratkan hubungan yang baik antara satu sama lain setelah penat lelah dengan penglibatan pelaksanaan aktiviti yang dianjurkan selama dua (2) hari ini.
19. Saya dengan penuh hormat dan sukacitanya merasmikan **Festival Peranakan Malaysia 2024.**

Sekian, terima kasih.